

KUIS PANDANG SERIUS PEMBABITAN PENUNTUT DALAM AKTIVITI MILITAN

Bernama News | Berita Dalam Negeri | 13/10/2014 | Author: / SN2 AZE RS

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) memandang serius pembabitan penuntut kolej itu dalam aktiviti yang bercanggah dengan ajaran Islam dan tidak diiktiraf kerajaan.

Pejabat Timbalan Rektor, Pembangunan Mahasiswa & Alumni kolej itu, dalam satu kenyataan hari ini berkata pihak kolej akan memberhentikan mana-mana penuntut yang didapati terbabit dengan perkara seumpama itu.

Semalam, polis mengesahkan Syamimi Faiqah, 20, bekas penuntut KUIS telah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) kira-kira pukul 11.55 malam ke Syria, 4 Okt lepas, dipercayai untuk menyertai kegiatan kumpulan militan Negara Islam (IS).

Sebuah akhbar tempatan melaporkan Syamimi melarikan diri ke Syria untuk berkahwin dengan pejuang IS dikenali sebagai Akel Zainal, yang dia dikenali menerusi laman sosial Facebook.

KUIS mengesahkan Syamimi adalah bekas pelajar Program Diploma Pengajian Islam (Al-Quran & Sunnah) Sesi II 2012/2013 melalui surat tawaran bertarikh 27

November 2012.

Bagaimanapun pelajar terbabit telahpun diberhentikan kerana gagal mencapai

syarat minima Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA).

"Syamimi secara rasmi diberhentikan dari KUIS melalui Bahagian Pengurusan Akademik, Kuis pada 10 Jun tahun lepas kerana mencapai CGPA kurang dari 2.00 selaras dengan Peraturan Akademik KUIS," katanya.

-- BERNAMA
SN2 AZE RS